

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 19 Jan 2021

Bil. 02/2021

Ruj:(66)dIm.UNISEL/PP/01/05JLD.1

PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA, APRIL 2020: SYARAT LAYAK MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pindaan Klausa 9.2.2 (Syarat Layak Menduduki Peperiksaan Akhir), Perkara 9.2 (Peperiksaan Akhir) dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara 14.1.3, Bahagian 14.0: Peruntukan-Peruntukan Am, memperuntukkan bahawa Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 2.2 Semakan semula dan penambahbaikan sentiasa perlu dilakukan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai seiring dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

3.0 PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK

- 3.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-190 (Bil.12/2020) telah meneliti dan meluluskan pindaan Klausa 9.2.2, Perkara 9.2 dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 seperti berikut:

(a) **Klausa SEDIA ADA:**

9.2.2 *Syarat layak menduduki peperiksaan akhir:*

(i) Pelajar wajib memenuhi 80% kehadiran jam temu (**DIPINDA**).

(ii) Pelajar wajib menjelaskan yuran pengajian sebelum menduduki peperiksaan (**KEKAL**).

(b) **Klausa SELEPAS PINDAAN:**

9.2.2 *Syarat layak menduduki peperiksaan akhir:*

(i) Pelajar **antarabangsa** wajib memenuhi 80% kehadiran jam temu.

(ii) Pelajar wajib menjelaskan yuran pengajian sebelum menduduki peperiksaan."

4.0 TEMPOH KUAT KUASA


- 4.1 Pindaan Klausula 9.2.2, Perkara 9.2 dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 ini adalah berkuat kuasa mulai **Semester November 2020**.
- 4.2 Semua fakulti/pusat pengajian/sekolah/jabatan hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling Pendaftar Bil.02/2021 ini.
- 4.3 Dengan berkuat kuasanya pekeliling ini, mana-mana pekeliling atau peraturan terdahulu atau pindaan-pindaan setakat mana yang bercanggah adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

'PENERAJU TRANSFORMASI'

Yang benar


HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
Pendaftar

- S.k : YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
: Bendahari
: Semua Dekan Fakulti/Pusat Pengajian/Sekolah/Ketua Jabatan